

KUALA LUMPUR, 22 JULAI (BERNAMA) — MAJLIS TINDAKAN NEGARA, AKAN DIHIDUPKAN SEMULA SELEPAS HARI RAYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

LANGKAH INI ADALAH SALAH SATU PENDEKATAN KABINETNYA UNTUK MELICINKAN DAN MEMPERTINGKATKAN LAGI KEKESANAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA.

BUAT PERMULAAN, MAJLIS ITU AKAN BERTEMU DUA MINGGU SEKALI. ANGGOTANYA TERMASUK PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI BERKATA MAJLIS ITU AKAN MENGESAN KERJA-KERJA SEMUA KEMENTERIAN, AGENSI DAN BADAN KERAJAAN DARI MASA KE MASA.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT SULUNG KABINETNYA SELAMA LEBIH TIGA JAM DI SINI HARI INI. TIMBALANNYA DATUK MUSA HITAM HADIR SAMA.

— BERSAMBUNG 1440/MK

B540

MAHATHIR - MAJLIS 2 KUALA LUMPUR

DALAM MESYUARAT HARI INI SEJAM DIHABISKAN OLEH PERDANA MENTERI UNTUK MENERANGKAN KEPADA PARA MENTERI APA YANG BELIA MAHU DARI SEGI SIKAP DAN PRESTASI MEREKA UNTUK MENERUSKAN PEMBANGUNAN NEGARA.

MESYUARAT BAGI TEMPOH ITU SULIT HINGGAKAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI HASHIM AMAN SENDIRI TIDAK MENGHADIRINYA KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT SENDIRI AKAN MENYAKSIKAN KESANNYA KELAK UNTUK MENGETAHUI SAMA ADA GARIS-GARIS KASAR DAN PENDEKATAN-PENDEKATAN YANG BELIAU KEMUKAKAN HARI INI BERJAYA ATAU TIDAK.

DITANYA BERAPA LAMA TEMPOH YANG DIBERIKANNYA KEPADA PARA MENTERINYA UNTUK MENUNJUKKAN HASIL, PERDANA MENTERI BERKATA, +BERIKAN KAMI SETAHUN.+

+TERPULANGLAH KEPADA RAKYAT UNTUK MENILAI PRESTASI KERAJAAN DI BAWAH KABINET BARU,+ KATANYA. — BERSAMBUNG 1514/MK

MAHATHIR - MAJLIS 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, +SAYA INGIN MENEKANKAN DI SINI BAHAWA KABINET SAYA TIDAK BERGELARAN, IA BUKANNYA KABINET PEMBANGUNAN ATAU BERJIWA RAKYAT ATAU DENGAN LAIN-LAIN GELARAN.+

PERDANA MENTERI MENEKANKAN YANG PENTINGNYA, KABINETNYA ITU HARUS BOLEH MELAKSANAKAN BANYAK PERKARA DAN RAKYAT KELAK DAPAT MENYAKSIKAN KESANNYA.

DITANYA SAMA ADA TIMBALANNYA DATUK MUSA HITAM AKAN LEBIH BANYAK MENUMPUKAN MASA KEPADA SOAL PENTADBIRAN HARIAN NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA MEMANG DATUK MUSA DIHARAPKAN BERBUAT DEMIKIAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +SEMASA SAYA TIMBALAN PERDANA MENTERI DULU, SAYA MENGAMBIL BERAT TENTANG PENTADBIRAN HARIAN NEGARA+
— BERNAMA 1510/MK